

Oleh Rosniza
Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Cheras

Pelajar USIM jual pakaian muslimah

Dalam kesibukan mengikuti pengajian, Fatin Umirah Faridon, 21, gigih menerajui usaha membangunkan perniagaan keluarga, Impian Fatyra yang menawarkan perkhidmatan menjual pakaian secara dalam talian.

Sebagai anak sulung, pelajar tahun ketiga Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu menganggap tanggung jawab berkenaan perlu ditunaikan demi masa depannya dan keluarga.

Beliau juga

"Saya membantu ibu menjual kek cawan di sekolah dan mula menjual pakaian di USIM sejak melanjutkan pengajian peringkat asasi kerana ibu berniaga produk yang

menguruskan penghantaran tempahan sementara adik perempuannya, Fatin Nurul Ain, menjadi model memperagakan produk syarikat, kebanyakannya pakaian dan selendang muslimah.

Katanya, kekerapan mengemas kini blog dan laman sosial dengan promosi serta kepelbagaian produk pada harga berpatutan adalah penting bagi menarik minat pelanggan.

"Saingan pasaran pakaian memang hebat namun saya percaya kepada rezeki ketentuan Allah.

"Produk yang dijual menepati tuntutan sya-



riah serta diniatkan sebagai cara saya membantu dan menggalak orang ramai memenuhi tuntutan menutup aurat dengan sempurna," katanya.

Pengedar di luar negara
Fatin Umirah berkata, selain pelajar institusi pengajian tinggi, pelanggan Impian Fatyra turut merangkumi warga sekolah yang membuat tempahan pual baju T untuk acara hari keluarga dan sukan.

Katanya, produk syarikat bukan saja mendapat sambutan hingga ke Sabah dan Sarawak, malah, sampai ke India dan Mesir berikutan pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara menjadi pengedar.

"Berikutan sambutan memberangsangkan, kami kini turut membuka tawaran bagi orang ramai menjadi ejen 'dropship' yang

membolehkan mereka menerima pendapatan komisen tanpa perlu menyimpan stok atau membuat urusan penghantaran.

"Hanya perlu mempromosi dan mendapatkan pelanggan saja," katanya.

Tamat pengajian kelak, Fatin Umirah berhasrat mengembangkan perniagaan dengan menghasilkan pakaian rekaan sendiri serta membuka kedai bagi memudahkan pelanggan mendapatkan produk.

**Antara koleksi
produk impian Fatyra.**



ma h u menjadi contoh yang baik kepada adik beradiknya terutama dalam aspek sanggup berdikari dan tidak pernah mengenal putus asa dalam merealisasikan impian.

Ibu juga usahawan

"Minat berniaga tercetus sejak kecil atas dorongan ibu, Siti Fazilah Ismail yang meminati bidang keusahawanan dan berniaga kecil-kecilan dengan menjual kek cawan dan pakaian di samping menunaikan tanggungjawab sebagai suri rumah.

sama," katanya. Fatin Umirah beruntung kerana mendapat sokongan dalam keluarga yang memainkan peranan seimbang dalam mengusahakan perniagaan itu.

Adik jadi model

Beliau berperanan mengemas kini produk dan promosi menerusi blog www.impianfatyra.blogspot.com dan laman Facebook impian fatyra yang kini sudah mempunyai lebih 10,000 pengikut.

Ibunya membantu

Fatin Umirah (kanan) dan adiknya, Fatin Nurul Ain menunjukkan pakaian muslimah.



**“
PRODUK YANG DIJUAL
MENEPATI TUNTUTAN
SYARIAH SERTA
DINIATKAN SEBAGAI
CARA SAYA MEMBANTU
DAN MENGGALAK
ORANG RAMAI
MEMENUHI TUNTUTAN
MENUTUP AURAT
DENGAN SEMPURNA”**